

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA

TARIKH 12 BULAN Ogos TAHUN 2024

MINDA kelas pertama dan cara fikir yang positif bukan sahaja penting untuk pembangunan karakter individu, tetapi juga memainkan peranan besar dalam kemajuan organisasi dan negara.



UM 12/8/2024 m/s 31

# Bentuk masyarakat minda kelas pertama



## SAUDARA PENGARANG,

**MINDA** kelas pertama merujuk kepada cara fikir dan sikap yang sentiasa mahukan yang terbaik dalam apa jua bidang, sentiasa berusaha untuk mencapai tahap tertinggi dalam setiap aspek kehidupan, tidak mudah berasa selesa dengan pencapaian biasa, sebaliknya sentiasa belajar memperbaiki diri dengan membuat penilaian melalui pencapaian diri, pengalaman, pembacaan serta faktor-faktor pendorong yang lain.

Mengapa minda kelas pertama penting? Pertama, ia membentuk asas kepada pembangunan karakter yang kuat dan berintegriti. Individu dengan minda kelas pertama biasanya mempunyai prinsip hidup yang jelas dan tegas. Mereka tahu apa yang mereka mahu capai dan bagaimana untuk mencapainya. Kedua, minda kelas pertama memupuk semangat daya saing yang sihat. Dalam dunia yang semakin kompetitif, semangat ini amat diperlukan untuk memastikan kita tidak ketinggalan.

Persekitaran yang positif dan sokongan yang baik memainkan peranan penting dalam pembentukan minda kelas pertama. Individu yang dikelilingi oleh orang-orang yang mempunyai semangat juang yang tinggi dan sikap yang positif cenderung untuk mengembangkan ciri-ciri yang sama. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan kita berada dalam persekitaran yang kondusif untuk perkembangan minda yang cemerlang.

Terdapat dua jenis cara fikir utama yang perlu kita fahami iaitu *fixed mindset* dan *growth mindset*. *Fixed mindset* merujuk kepada kepercayaan bahawa kebolehan dan bakat seseorang adalah tetap dan tidak boleh diubah. Individu dengan *fixed mindset* cenderung untuk mengelakkan cabaran kerana takut gagal. Mereka juga cenderung untuk mudah berputus asa apabila menghadapi kesukaran.

Sebaliknya, *growth mindset* merujuk

kepada kepercayaan bahawa kebolehan dan bakat boleh dikembangkan melalui usaha dan dedikasi. Individu dengan *growth mindset* melihat cabaran sebagai peluang untuk belajar dan berkembang. Mereka tidak takut kepada kegagalan, sebaliknya melihatnya sebagai satu pelajaran yang berharga.

Minda kelas pertama dan cara fikir yang positif bukan sahaja penting untuk pembangunan karakter individu, tetapi juga memainkan peranan besar dalam kemajuan organisasi dan negara. Individu yang mempunyai minda yang cemerlang dan sikap yang positif cenderung untuk menjadi pemimpin yang berwibawa. Mereka mampu membawa organisasi ke arah kejayaan dengan visi yang jelas dan strategi yang berkesan.

Di peringkat negara, generasi yang mempunyai minda kelas pertama adalah aset yang amat berharga. Mereka adalah pemikir yang kritis dan inovatif yang mampu mencari penyelesaian kepada pelbagai masalah yang dihadapi oleh negara. Mereka juga adalah warga yang bertanggungjawab dan mempunyai semangat patriotisme yang tinggi.

Hakikat yang perlu difahami, minda adalah aset yang amat penting dalam pembangunan karakter individu dan juga dalam melahirkan generasi yang holistik yang menyumbang kepada kemajuan organisasi dan negara. Pembentukan minda kelas pertama dan cara fikir yang positif adalah kunci kepada kejayaan dalam pelbagai aspek kehidupan.

Oleh itu, adalah penting untuk kita sentiasa berusaha membangunkan minda yang cemerlang dan berdaya saing. Dengan minda yang positif dan sikap yang proaktif, kita mampu mencapai kejayaan yang cemerlang dan menyumbang kepada kemajuan yang berterusan.

**AMIRUL SALAM HASAN**

Pejabat Komunikasi Korporat  
Universiti Malaysia Terengganu